

memutakirakan @ kedah 13/4/2018

"MUAFAKAT KEDAH"

Ruj. Kami : PSU(K) 233 -1421 Jld. 4 (27)

Tarikh : 07 Syaaban 1439 H

22 April 2018

**Semua Ketua Jabatan Negeri Kedah Darul Aman
Semua Badan Berkanun Negeri Kedah Darul Aman
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman**

YB. Dato'/ Y.Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2017
PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM
KEPADA PEGAWAI WANITA MENGANDUNG**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dalam Mesyuaratnya pada 21 Mac 2018 kertas No.7(F) 75/ 2018 telah memutuskan seperti berikut:-

- a) Bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 – Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandung kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.
- b) Bersetuju Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2018.

3. Pekeliling berkenaan boleh diakses melalui laman sesawang <http://www.jpa.gov.my>. Sekiranya pihak YB. Dato'/ Y.Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan menghadapi masalah untuk mendapat Pekeliling berkenaan sila hubungi pentadbiran ini untuk tindakan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" MUAFAKAT KEDAH "

Saya yang menurut perintah,

(HAJI NADZMAN BIN MUSTAFA, AMK., BCK.)

Setiausaha Bahagian

(Pengurusan Sumber Manusia)

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k. YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
- YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
- Bendahari Negeri Kedah Darul Aman.
- Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman